

UNTUK SIARAN SEGERA



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**KPM TERJEMAH SEMANGAT MA63
MENERUSI USAHA BERTERUSAN MEMPERKUKUHKAN
PENDIDIKAN DI SABAH DAN SARAWAK**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) optimis hasil Mesyuarat Majlis Tindakan Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim pada Khamis dapat memperkukuhkan lagi pendidikan di Sabah dan Sarawak.

Antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat ini termasuk mengenai keperluan merunding dengan Pengarah Pendidikan Negeri Sarawak untuk melantik pegawai pendidikan daerah, pengetua dan guru besar bagi mengisi kekosongan dan pemangkuan jawatan sebelum Menteri Pendidikan membuat kelulusan seperti yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).

Langkah Kerajaan menubuhkan Jawatankuasa Tindakan Bersama Pembangunan Pendidikan (JTBP) telah membuahkan hasil yang positif apabila KPM bersetuju sepenuhnya dengan sepuluh (10) tuntutan yang dikemukakan Kerajaan Negeri Sarawak. Ini termasuk usaha untuk mengukuhkan pelibatan Kementerian Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat Sarawak (MEITD), kebenaran mengambil guru *Contract of Service* (CoS) tertakluk kepada pelantikan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP), pelaksanaan program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) berdasarkan keperluan/keutamaan serta pelibatan dalam perancangan projek pembangunan pendidikan.

KPM turut bersetuju memberi perwakilan kuasa melulus projek penyelenggaraan sekolah yang dibiayai oleh Kerajaan Sarawak atau mana-mana pihak lain selain KPM kepada Pengarah Pendidikan Negeri Sarawak, tertakluk kepada garis panduan yang sedang berkuat kuasa.

Untuk rekod, Mesyuarat JTBPP Negeri Sarawak telah diadakan pada Februari lalu manakala Mesyuarat JTBPP Negeri Sabah pula akan dilangsungkan pada bulan Oktober 2024.

KPM, Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak berkerjasama erat bagi memastikan pendidikan di kedua-dua buah negeri dapat terus dipertingkatkan dalam ruang lingkup semangat kesatuan MA63.

-TAMAT-

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
13 SEPTEMBER 2024**